

# Kaji dahulu

BK 16 MAY 1991

# sebarang

# tindakan: PM

SUBANG, Rabu — Sebarang tindakan, termasuk soal kebudayaan dan kesenian yang dianggap boleh menjejaskan perpaduan masyarakat berbilang kaum di negara ini, perlu dikaji terlebih dahulu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kajian itu penting untuk memastikan suasana hubungan kaum yang harmoni di negara ini terus dikekalkan.

Pada umumnya kita sepatutnya menumpukan perhatian kepada aspek kebudayaan dan kesenian yang boleh mendekatkan lagi hubungan antara kaum.

"Kita juga harus membentuk satu bangsa Malaysia yang mempunyai kebudayaan istimewa dan khusus untuk Malaysia," katanya kepada pemberita selepas pulang daripada bercuti di Eropah selama dua minggu, di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang Kuala Lumpur, di sini petang ini.

Beliau menjelaskan perkara itu ketika ditanya mengenai cadangan MCA untuk mewujudkan Bandar Kebudayaan Cina Malaysia bagi mengekalkan ciri sejarah dan budaya masyarakat itu di negara ini.

Projek MCA itu yang dianggap mirip kepada 'China Town' menjadi isu kontroversi berikutan pihak tertentu, termasuk beberapa pemimpin Umno menentang penubuhannya.

Ditanya sama ada isu itu patut dibincangkan di peringkat Kabinet atau Majlis Tertinggi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Saya tidak boleh berkata apa-

apa waktu ini. Saya belum membuat kajian mengenai perkara itu."

Sebelum ini, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, meminta supaya isu mewujudkan Bandar Kebudayaan Cina Malaysia tidak dijadikan bahan debat umum kerana ia boleh menimbulkan kebimbangan masyarakat.

Sementara itu, menjawab soalan, Perdana Menteri berkata, beliau tidak menemui mana-mana ketua kerajaan ketika percutiannya di Eropah bagi membincangkan mengenai mesyuarat Kumpulan 15 akan datang.

"Yang ada pun, saya cuma menemui Lord Caithness (Menteri Negara British bagi Pejabat Luar dan Komanwel) untuk menjelaskan mengenai Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG)," katanya.

Ditanya sama ada beliau menemui Perdana Menteri Australia, Encik Bob Hawke, untuk membincangkan hubungan Malaysia-Australia, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Kalau dia ada di satu meja, kita jumpalah. Mesyuarat dengan semua ketua kerajaan, tentulah berjumpa. Macam mana saya nak elak."

Antara kenamaan yang menyambut kepulangan Perdana Menteri ialah isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Menteri Kehakiman, Syed Hamid Albar dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Abang Abu Bakar Mustapha.